

11/09/2002

745 syarikat dapat taraf MSC

SEBANYAK 745 syarikat sudah diberi taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) sehingga 30 Ogos lalu iaitu melebihi sasaran kerajaan untuk menarik 500 syarikat menjelang 2004.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Chang Kwang Chye berkata, daripada jumlah itu 495 adalah syarikat milik tempatan, 232 syarikat asing dan 18 syarikat usaha sama.

Katanya, pencapaian itu membuktikan pelaksanaan MSC yang dilaksanakan itu menepati piawaian dunia.

"Sebelum ini, kerajaan meletakkan sasaran 750 syarikat akan diberi taraf MSC pada tahun depan. Tetapi nampaknya, pencapaian ini melebihi sasaran awal yang menyebabkan kerajaan terpaksa meletakkan sasaran baru," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu).

Chang berkata, modal sebenar yang disalurkan kerajaan, syarikat tempatan dan asing bagi pelaksanaan MSC ialah RM4.77 bilion.

Katanya, modal itu digunakan untuk pembinaan infrastruktur; promosi; penyelidikan dan pembangunan (R&D); pelaksanaan fasa satu dan fasa dua bagi aplikasi perdana dan pembangunan sumber manusia.

Beliau berkata, projek aplikasi perdana yang dilaksanakan ialah kerajaan elektronik, kad pintar, telekesihatan dan sekolah pintar.

Menjawab soalan tambahan, Chang berkata, peletakan jawapan Ketua Eksekutif Perbadanan Koridor Raya Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah bukan kerana kerugian projek itu sebaliknya atas sebab kesihatan.

"Othman dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sebelum ini sudah menyatakan sebab peletakan jawatan itu, jadi dakwaan bahawa ia disebabkan kerugian hanyalah niat jahat," katanya.